

**SPESIFIKASI TEKNIKAL**

**SEBUTHARGA BIL. 4/2023:**

**PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL , MENANGGAL, MEMBEKAL  
DAN MEMASANG KARPET BAHARU BAHAGIAN PEMBANGUNAN  
PERNIAGAAN BUMIPUTERA ARAS 7 BLOK C  
IBU PEJABAT SME CORP. MALAYSIA**

---

**1. OBJEKTIF**

Menyediakan perkhidmatan menanggal karpet lama, membekal dan memasang karpet baharu di ruang kerja Bahagian Pembangunan Perniagaan Bumiputera, Aras 7, Blok C, Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia bagi memastikan imej dan persekitaran ruang kerja yang kondusif dan selesa.

**2. SKOP PERKHIDMATAN**

Penyebutharga dikehendaki mencadangkan berdasarkan spesifikasi minima bagi pemasangan karpet yang diperlukan seperti berikut:

- 2.1 Penyebutharga haruslah membuat penyebuthargaan, penghantaran, pemasangan karpet baharu dan menanggal termasuk pelupusan karpet lama di ruang kerja, aras 7, blok C serta pengalihan kubikal, perabot dan peralatan pejabat sebelum dan selepas pemasangan karpet dilakukan.
- 2.2 Alat-alat kelengkapan yang diguna pakai hendaklah berkualiti bagi menjamin pemasangan yang kemas, tahan lasak dan tenaga kerja haruslah berkemahiran tinggi dalam bidang berkenaan.
- 2.3 Produk atau bahan karpet *tile* yang dibekal dan digunakan hendaklah mesra alam selaras dengan Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) 3.0.
- 2.4 Membekal dan memasang karpet jenis *tile* yang baru berukuran 50 cm x 50 cm dengan ketebalan 6.0-6.5mm di ruang kerja, aras 7, Blok C.
- 2.5 Memastikan tiada sebarang kerosakan pada struktur bangunan, perabot dan peralatan semasa proses menanggal karpet lama dan pemasangan karpet baharu dijalankan.
- 2.6 Penyebutharga haruslah mengemukakan gambar kemajuan kerja sebelum dan selepas proses pemasangan karpet dalam bentuk *soft copy* dan *hard copy* yang dilengkapi tarikh.
- 2.7 Penyebutharga hendaklah memastikan karpet yang digunakan bukan daripada sumber haiwan (*pig free*) dan bermutu tinggi.
- 2.8 Penyebutharga perlu menyediakan kertas cadangan bagi pelaksanaan perkhidmatan ini sebelum kerja-kerja dilakukan dan melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh 3 minggu dari tarikh mula kerja.

### 3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Bayaran dibuat secara *one-off*. Skop perkhidmatan di Para 2 seperti di atas dibuat berdasarkan pelaksanaan sebenar.
- 3.2 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima inbois serta dokumen berkaitan daripada penyebutharga.
- 3.3 Kontrak perkhidmatan adalah selama 12 bulan (setahun) termasuk tempoh jaminan.

### 4. SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian, iaitu **020103**.
- 4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di Jadual Pematuhan di bawah.
- 4.3 Keutamaan akan diberikan kepada syarikat berpengalaman dalam menjalankan perkhidmatan menanggal karpet lama, membekal dan memasang karpet baharu.
- 4.4 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada penyebutharga pada bila-bila masa sekiranya penyebutharga:
  - a. Tidak memenuhi Skop Perkhidmatan yang telah dipersetujui;
  - b. Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Perkhidmatan; dan
  - c. Tidak mematuhi Jadual Perkhidmatan/Penghantaran yang ditetapkan.
- 4.5 Sekiranya penyebutharga gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated dan Ascertained Damages (LAD)* berdasarkan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times \frac{\text{Nilai Kontrak}}{365} \times \text{Bilangan hari lewat dan/atau tidak mengikut spesifikasi}$$

## 5. LOKASI PERKHIDMATAN DAN MAKLUMAT AM

Alamat Surat Menyurat:  
SME Corp. Malaysia  
Aras 6, Blok B  
Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur



Blok, Aras dan Keluasan Penukaran Karpet

### **Blok C**

Aras 7 : Ruang Kerja di aras 7

(Syarikat perlu membuat lawatan tapak sebelum mengemukakan dokumen sebutharga)

**JADUAL PEMATUHAN**

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	TEMPOH/ KUANTITI/ KEKERAPAN	SKOP DIPATUHI	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA (✓) / TIDAK (X)	
<b>Perkhidmatan Menanggal Karpet Lama, Membekal Dan Memasang Karpet Baharu Di Ruang Kerja, Aras 7, Blok C, Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia</b>				
<b>1.</b>	<b>Kerja – kerja Menanggal Karpet Lama, Membekal &amp; Memasang Karpet Baharu</b>			
1.1	Kerja-kerja menanggal dan memasang karpet			
	1.1.1 Membuang/ menanggal karpet lama (sedia ada) dengan cermat dan mengikis/membersih sisa-sisa gam yang terdapat pada lantai sebelum kerja-kerja pemasangan karpet baharu dilakukan.		<input type="checkbox"/>	
	1.1.2 kerja-kerja pengalihan kerusi, meja, almari dan segala peralatan aset/perabot yang boleh menghalang kerja-kerja menanggal/ memasang karpet.		<input type="checkbox"/>	
	1.1.3 Melakukan kerja-kerja akhir seperti menyusun semula peralatan aset/ perabot, mengemas dan membersihkan kawasan pemasangan dan lain-lain kawasan terlibat.		<input type="checkbox"/>	
	1.1.4 Menguruskan sisa pembuangan/ pelupusan karpet lama ke tempat yang dibenarkan/ disediakan oleh		<input type="checkbox"/>	

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	TEMPOH/ KUANTITI/ KEKERAPAN	SKOP DIPATUHI	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA (✓) / TIDAK (X)	
	<p>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</p> <p>*(Segala kos tenaga pekerja dan pengangkutan adalah ditanggung oleh penyebutharga)</p>			
1.2	<p>Alat Kelengkapan dan Tenaga Kerja</p> <p>1.2.1 Menyediakan peralatan kerja dan tenaga kerja yang cukup serta berkemahiran dalam bidang berkenaan.</p> <p>1.2.2 Semua peralatan dan bahan pemasangan yang digunakan hendaklah berkualiti tinggi bagi menjamin pemasangan yang kemas dan tahan lasak.</p> <p>1.2.3 Peralatan yang perlu disediakan adalah seperti menyediakan papan tanda sementara, peralatan kerja menanggal dan memasang karpit, bahan pelekat yang berkualiti, dan lain-lain peralatan yang berkaitan.</p>		<p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p>	
1.3	<p>Kerja – kerja membekal dan memasang <i>Carpet Tile</i> berukuran 50 cm x 50 cm dengan ketebalan 6.0-6.5mm mengikut cadangan warna / corak yang telah dicadangkan oleh</p>		<input type="checkbox"/>	

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	TEMPOH/ KUANTITI/ KEKERAPAN	SKOP DIPATUHI	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA (✓) / TIDAK (X)	
	Kontraktor sebanding warna asal atau warna dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia.			
1.4	Produk atau bahan <i>Carpet Tile</i> yang dibekal dan digunakan hendaklah mesra alam selaras dengan Garis Panduan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) 3.0. Penyebutharga hendaklah memastikan bulu karpet yang digunakan bukan daripada sumber haiwan ( <i>pig free</i> ). Semua karpet yang dibekalkan hendaklah terdiri daripada keluaran tulen dan keluaran baharu serta belum digunakan.		<input type="checkbox"/>	
1.5	Semua peralatan dan bahan pemasangan yang digunakan hendaklah berkualiti tinggi bagi menjamin pemasangan yang kemas dan tahan lasak.		<input type="checkbox"/>	
1.6	Memastikan tiada sebarang kerosakan pada struktur seperti lantai, dinding, <i>plug</i> dan lain-lain semasa kerja membuka, menanggalkan dan memasang karpet. Sekiranya berlaku kerosakan, pihak penyebutharga bertanggungjawab untuk membaiki semula dan menggantikannya.		<input type="checkbox"/>	
1.7	Membekalkan dan merekodkan gambar kemajuan kerja sebelum dan selepas proses pemasangan dalam bentuk <i>soft copy</i> (melalui <i>thumb</i>		<input type="checkbox"/>	

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	TEMPOH/ KUANTITI/ KEKERAPAN	SKOP DIPATUHI	MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA (✓) / TIDAK (X)	
	<i>drive</i> ) dan <i>hard copy</i> yang dilengkapi tarikh kemajuan.			
2.	Berkeupayaan dan bersedia melaksanakan perkhidmatan di atas selepas dilantik (melalui Surat Setuju Terima) iaitu selama 12 bulan bermula bulan <b>Mei 2023</b> .		<input type="checkbox"/>	

\* sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

**SILA PASTIKAN SEMUA RUANGAN TELAH DITANDAkan (✓ / x) BESERTA CATATAN SEBAGAI TANDA BAHAWA PENYEBUTHARGA BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SPESIFIKASI YANG DINYATAKAN)**

**NOTA PENTING:**

1. Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjejaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan pegawai SME Corp. yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh projek. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidakentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 4/2023.**

.....  
**Nama** :  
**Jawatan** :  
**Tarikh** :  
**Cop Syarikat** :